



SIARAN MEDIA BERSAMA

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
DAN
PRASARANA MALAYSIA BERHAD**

**PRASARANA SEDIA PERKHIDMATAN BAS PERANTARA
PERCUMA SEMPENA
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN
2025**

Sebanyak tujuh (7) buah bas perantara Rapid Penang disediakan kepada orang awam bagi mengunjungi Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Pekarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang pada 17 hingga 20 Julai ini.

Perkhidmatan ini disediakan oleh Rapid Bus Sdn Bhd, subsidiari kepada Prasarana Malaysia Berhad, yang merupakan salah satu rakan strategik Kementerian Perpaduan Negara (KPN). Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan orang ramai merancang perjalanan serta menghadiri pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan ini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “KPN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prasarana Malaysia Berhad inisiatif menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma kepada orang ramai.” Usaha murni ini jelas mencerminkan komitmen berterusan pihak Prasarana dalam memperkasa sistem pengangkutan awam yang inklusif dan mesra rakyat.

Sementara itu, Ku Jamil Zakaria, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus Sdn Bhd berkata, “Rapid Bus komited dalam usaha menyediakan bas perantara bagi kemudahan orang ramai untuk menghadiri Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025”.

Diharapkan melalui kerjasama ini, orang ramai dapat merancang perjalanan untuk hadir ke Sambutan Minggu Perpaduan seterusnya menjayakan objektif program serta mengeratkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Perincian pengoperasian perkhidmatan bas perantara yang disediakan kepada orang awam adalah seperti berikut :

Bil.	Laluan	Lokasi Menunggu	Tarikh	Waktu Operasi	Kekerapan
1.	Sungai Nibong – Batu Kawan	• Tapak Pesta Sungai Nibong	17-19 Julai 2025 (Khamis – Sabtu)	9.00 pagi – 10.30 malam	60 minit
			20 Julai 2025 (Ahad)	9.00 pagi – 6.30 petang	
2.	Seberang Jaya – Batu Kawan	• Hotel Blanket • Bank Rakyat Perda	17-19 Julai 2025 (Khamis – Sabtu)	9.00 pagi – 10.45 malam	60 minit
			20 Julai 2025 (Ahad)	9.00 pagi – 6.45 petang	

**Kementerian Perpaduan Negara dan
Prasarana Malaysia Berhad**

16 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (51)